

SYAIR NARATIF : KEINDAHAN BAHASA DAN MELODI

Prof. Madya Dr. Zahir Ahmad

Dr. Indirawati Zahid

Dr. Mohd Nasir Hashim

PENDAHULUAN

Syair Melayu merupakan salah satu daripada sejumlah puisi Melayu Tradisional. Syair dapat dibahagikan kepada 2 kategori, iaitu yang naratif dan non-naratif. Syair naratif ialah syair yang berbentuk penceritaan seperti syair romantis, syair kiasan dan syair sejarah. Manakala yang non-naratif pula ialah syair yang berbentuk bukan cerita seperti syair agama dan syair nasihat.

Kajian berkenaan dengan syair ini telah banyak dilakukan dan yang agak wibawa untuk dirujuk ialah kajian oleh Harun Mat Piah (1997) yang bertajuk *Puisi Melayu Tradisional : Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Dalam buku beliau ini Harun telah membincangkan genre puisi seperti pantun, syair dan nazam, gurindam, seloka dan teka teki, talibun, teromba dan sebagainya. Buku ini sebenarnya merupakan kajian ijazah doktor falsafah beliau. Kajian-kajian lain seperti yang dilakukan oleh Zahir Ahmad (1990), Donald J. Goudie (1996), Abdul Rahman Al-Ahmadi (1994) adalah lebih tertumpu kepada isi kandungan sesebuah syair. Misalnya kajian Zahir Ahmad terhadap naskhah Syair Agung telah memperlihatkan bahawa syair itu mengandungi unsur-unsur cerita Panji dan Hikyat Seri Rama yang amat ketara. Beliau juga merumuskan bahawa Syair Agung yang menjadi bahan penelitiannya itu adalah syair Melayu bercorak romantis (naratif) yang paling panjang di dunia. Ini kerana jumlah rangkap-rangkap syair yang terkandung di dalam Syair Agung melebihi 9, 400 rangkap.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Donald J. Goudie pula mengkaji Syair Perang Siak dari aspek sejarah. Beliau cuba memperlihatkan nilai-nilai sejarah

yang terdapat dalam syair berkenaan, misalnya tentang seorang anak raja Siak yang terkenal kerana berperang dengan orang-orang Bugis, iaitu Raja Kecil. Kajian beliau ini berjaya memperlihatkan bahawa dalam syair naratif yang seperti ini juga dapat dikesan fakta-fakta sejarah yang tepat. Bagaimanapun fakta-fakta itu perlulah diperbandingkan dengan dengan sumber-sumber sejarah yang lain. Hal yang sama juga ikut dilakukan oleh Abdul Rahman Al-Ahmadi yang cuba melihatkan unsur-unsur sejarah dalam Syair Siti Zubaidah, iaitu sebuah syair naratif yang bercorak romantik. Bagaimanapun pada pandangan penulis agak sukar bagi Abdul Rahman untuk membuktikan bahawa terdapat nilai-nilai sejarah yang penting dalam syair yang segolongan dengan Syair Siti Zubaidah. Ini kerana terlalu banyak sekali unsur-unsur fiksi yang telah dimasukkan oleh pengarang ke dalam karya-karya yang seperti ini.

Apa yang dilakukan oleh sarjana-sarjana di atas termasuklah Harun, mereka tidak sama sekali membicarakan tentang keindahan bahasa dari aspek pemilihan kata yang sesuai konteks dan melodinya. Ini berkemungkinan berlaku kerana objektif kajian yang dilakukan oleh mereka tidak mencakupi perkara yang dinyatakan.

Sehubungan dengan kekurangan yang dibicarakan ini, kami yang sedang menjalankan projek fundamental Universiti Malaya mengambil inisiatif untuk melihat syair Melayu ini dengan penyatuan tiga bidang yang berbeza, iaitu muzikologi, prosodi dan sastera Melayu. Usaha yang dilakukan ini selain menganalisis kandungan syair sesuai temanya, analisis juga dilakukan dari segi penyampaiannya dan penggunaan bahasanya. Walau bagaimanapun untuk kertas kerja ini kami menyempitkan skop analisis kepada syair naratif yang bertajuk *Badrul Zaman* yang disampaikan oleh Zurinah Hassan¹⁴⁰ dan *Yatim Nestapa* yang disampaikan oleh Rogayah Hamid¹⁴¹. Kedua-dua syair ini diperolehi dari CD Puisi Melayu Tradisional Bahasa Melayu Menengah Rendah, bahan komponen kesusasteraan Melayu, tingkatan 1-3. CD ini diterbitkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.

SYAIR MELAYU

Kebanyakan sarjana seperti A. Teeuw dan Syed Naguib Al Attas bersetuju bahawa pengarang syair Melayu adalah Hamzah Fansuri. Bagaimanapun Hamzah dipercayai mengarang syair tersebut dengan mengambil acuan daripada puisi tempatan walaupun perkataan syair itu menyamai dengan perkataan syi'ir yang berasal dari Arab-Parsi. Hal ini dapat diperhatikan dari segi jumlah baris yang terdapat dalam sebuah rangkap syair dan juga jumlah perkataan dalam satu baris. Walaupun hal ini sukar untuk dibuktikan tetapi persamaan yang banyak di antara syair dengan bentuk-bentuk puisi tempatan yang lain menyebabkan sarjana-sarjana percaya bahawa Hamzah mengarang syair berdasarkan pemerhatiannya terhadap puisi-puisi tempatan. Persamaan syair Melayu dengan syi'ir Arab-Parsi adalah dari segi namanya sahaja, sedangkan strukturnya tidak.

¹⁴⁰ Zurinah Hassan ialah seorang penyair, penulis sajak, cerpen dan juga novel yang terkenal di Malaysia. Beliau acapkali dijemput untuk membaca sajak dan syair-syair di majlis-majlis keramaian. Beliau kini sedang menyiapkan tesis Doktor Falsafah di Akademi Pengajian Melayu.

¹⁴¹ Puan Rogayah Hamid adalah Ketua Bahagian Sastera Melayu Tradisional di Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.

CIRI-CIRI UTAMA SYAIR MELAYU

- a. Ianya mengandungi 4 baris dalam serangkap
- b. Dalam satu baris syair terdapat 4 perkataan dan mengandungi 8-12 suku kata.
- c. Rima akhir syair adalah a-a-a-a
- d. Satu rangkap syair tidak dapat berdiri sendiri seperti mana satu rangkap pantun.
- e. Satu rangkap syair adalah satu kesatuan yang jelas dan tidak seperti pantun yang mengandungi pembayang dan maksud.

Oleh sebab strukturnya yang sedemikian rupa, syair sememangnya tidak dapat dinafikan mempunyai unsur estetik yang tinggi. Ini secara tidak langsung menggambarkan kebijaksanaan masyarakat lalu dalam menciptanya sebagai media hiburan semasa itu. Mereka yang mendengar syair dibaca dengan irama-irama tertentu akan terhibur dengan kelunakan suara penyair di samping mengikuti dan menikmati isi cerita yang disampaikan.

STRUKTUR YANG RIGID

Melihat ciri-ciri utama syair Melayu, tidak keterlaluan jika dikatakan struktur syair rigid dengan acuan yang mesti dipatuhi. Walau bagaimanapun terdapat juga struktur syair yang tidak akur dengan perkara ini. Apabila kerigidan ini dipatuhi maka di sinilah kebijaksanaan penciptanya telah benar-benar diuji dan terserlah dengan pemilihan kata sesuai tema dengan sedaya upaya mencerminkan nilai estetika. Nilai-nilai estetika ini tidak sahaja berasaskan pemilihan katanya tetapi nilai bunyi-bunyi kata yang sedia dipilih tersebut tambah mengindahkan cara pelaguan syair.

Syair sebagaimana yang khalayak sedia maklum, berfungsi sebagai unsur hiburan masyarakat lalu kerana ketiadaan media elektronik, internet, cetak dan sebagainya. Sebagai alat hiburan, syair bukan sahaja harus mempunyai jalan cerita yang menarik tetapi pemilihan perkataan yang dilakukan juga harus juga memiliki ciri-ciri yang sama. Kata-kata yang digunakan oleh pengarang biasanya adalah tepat dan dapat menggambarkan situasi sebenar yang hendak disampaikan oleh pengarang. Misalnya dalam Syair Siti Zubaidah diceritakan bagaimana rumah-rumah yang berhanyutan akibat banjir. Kata-kata yang digunakan oleh pengarang adalah tepat dengan situasi cerita. Perhatikan dua contoh berikut;

Kepada waktu tengahnya hari
Sama tengah langit betul matahari
Ayam berkokok kanan dan kiri
Air pun bah tiada terperi

Airnya deras bukan sedikit
pasangnya sampai ke kaki bukit
Rumah pun hanyut seperti rakit
Permai pun sangat perutnya sakit
(Abdul Mutalib Abdul Ghani, 1983;4)

Kata-kata kiasan perbandingan iaitu "rumah hanyut seperti rakit" jelas memperlihatkan kebijaksanaan pengarang dalam memilih perkataan yang hendak digunakan. Beliau tidak pula memilih perkataan lain, misalnya perahu atau kayu dan sebagainya yang berhanyutan. Malah kata singkatan seperti "permai" yang bermaksud permaisuri juga cukup sesuai dalam konteks ini. Beliau adalah seorang

permaisuri raja dan sudah tentu mempunyai rupa paras yang cantik. Dengan yang demikian kata permai adalah kata ganti bersifat perbandingan yang amat tepat.

Cara penyampaian syair yang berlagu juga merupakan tarikan yang menjadi halwa telinga khalayak pendengar. Data yang dianalisis memperlihatkan dua melodi syair yang berbeza yang setiap satunya dilagukan oleh orang yang berbeza latar belakang. Melodi syair yang bervariasi ini diyakini berhubungan dengan lokasi di mana ia dilagukan dan faktor warisan daripada generasi yang sebelumnya. Zurinah Hassan yang berasal dari negeri Kedah pastinya mewarisi gaya pembacaan syair sepertimana yang pernah didengarnya daripada generasi yang terdahulu. Begitu juga gaya melankolik pembacaan syair oleh Rogayah Hamid yang berasal dari Johor adalah gaya yang biasa didengari umum, iaitu gaya pembacaan persis sama sepertimana yang sering didengari di corong-corong radio Malaysia satu ketika dahulu melalui rancangan "Bangsawan Di Udara". Gaya yang seperti ini boleh dianggap sebagai gaya yang standard yang diketahui dan digunapakai di seluruh semenanjung.

ANALISIS KEINDAHAN BAHASA

Analisis keindahan bahasa dalam kedua-dua syair memperlihatkan beberapa perkara;

- a. penggunaan kosa kata lama
- b. peminjaman kosa kata Arab
- c. pemilihan kata
- d. struktur ayat

a. Penggunaan Kosa Kata Lama

Dalam syair yang dianalisis, terdapat penggunaan kata-kata lama seperti pokta yang merujuk kepada mulia, menjelis yang merujuk kepada cantik dan leta yang merujuk kepada hina, aib pula membawa maksud malu, jauhari pula bermakna orang yang arif atau mahir dalam sesuatu bidang atau perkara. Pemakaian kata-kata lama sesuai dengan konteks masyarakat dan zaman dimana syair ini ditulis atau dikarangkan. Kata-kata lama seperti ini walaupun telah tidak digunakan dengan cara meluas lagi tetapi ianya membawa maksud yang tepat sepertimana yang hendak disampaikan oleh pengarang. Dan lagi perkataan-perkataan tersebut amat menepati kehendak rima akhir syair, iaitu a-a-a-a. Misalnya rangkap syair berikut;

Asmara Dewa tersenyum lalu berkata
Sangatlah malu rasanya cita
Seteru sudah bertentang mata
Memberi aib nama yang leta
(Syair Yatim Nestapa)

Perkataan leta tidak dapat ditukarganti dengan perkataan lain seperti hina misalnya kerana rima akhirnya sudah tidak sama. Lagipun terdapat padanan atau keseimbangan di antara kata aib dan leta di sini.

b. Peminjaman Kosa Kata Arab

Dalam menyesuaikan jalan cerita dan pengaruh semasa itu, penggunaan kosa kata Arab digunakan dalam syair Badrul Zaman. Kosa kata Arab yang digunakan dalam syair ini ialah kata *qari*, *syuhada* dan *khatam*. Penggunaan ketiga-tiga kata ini sesuai dengan jalan cerita syair ini yang menceritakan tentang ayahanda kepada Badrul Zaman yang menghantarnya untuk belajar mengaji al-Quran. Kosa kata Arab ini adalah kata pinjaman yang telah diterima dan digunapakai dengan begitu meluas dalam masyarakat Melayu lama. Bagaimanapun kosa kata-kosa kata ini juga sudah jarang sekali ditemui pemakaiannya dalam penulisan hari ini. Jelas sekali bahawa kebanyakan kata-kata seperti ini hanya digunakan dengan agak meluas dalam masyarakat lama. Hanya kata-kata tertentu seperti khatam yang bermaksud tamat

masih digunakan dalam konteks pengajian Al-Qur'an sahaja. Hal ini tidak sama pula dengan penggunaannya dalam "Syair Badrul Zaman" yang mana didapati lebih meluas, iaitu bukan setakat pengajian Al-Qur'an.. Lihat petikan syair berikut;

Beberapa lamanya belajar itu
Khatamlah pelajaran satu persatu
Sukalah baginda bukan suatu
Dilamulah Qari makanan yang tentu.

Khatam dalam petikan ini jelas bahawa watak Badrul Zaman telah tamat segala ilmu dunia dan akhirat yang dipelajarinya daripada seorang guru yang bernama Qari.

c. Pemilihan Kata

Struktur syair yang rigid memberikan implikasi kepada pemilihan perkataan sama ada strukturnya ekonomis dari aspek bilangan suku kata, ketepatan makna yang dirujuk ataupun keserasian rima yang hendak dikekalkan.

Pemilihan kata yang berlaku misalnya *upaya, daya, peri, jauhari, perwira* masing-masingnya bagi menggantikan *kudrat atau kemampuan, cara, bijak dan gagah, perkasa atau pendekar* bagi Syair Badrul Zaman. Kata-kata berkenaan amat sesuai untuk segala aspek. Misalnya lihat rangkap syair Badrul Zaman berikut;

Maka baginda Badar yang mulia
Segera belajar dengan upaya
Amatlah terang hatinya dia
Belajar pelajaran sehabis daya

Rangkap syair ini menerangkan watak anak yang bernama Badrul Zaman apabila disuruh menuntut ilmu oleh bapanya, maka dia telah melakukannya secara bersungguh-sungguh. Kata-kata seperti *daya dan upaya* jelas sekali memperlihatkan kesungguhan watak yang berkenaan.

Manakala dalam syair Yatim Nestapa pemilihan kata yang berlaku ialah *menyangka, ke mari, ngeri, aib, cita, bercinta, hawa, kedua dan menentang* yang masing-masingnya telah menggantikan *agak/fikir, tidak tergambarkan, menakutkan, rasa/perasaan, malu, berat hati, bahang, kedua-duannya dan berdepanan*.

d. Struktur Ayat

Didapati binaan ayat dalam syair sangat bervariasi misalnya *amatlah terang hatinya dia, kepada fikir kakanda menyangka, perhatikan muridnya khatamlah nyata* dan sebagainya.

Misalnya dalam Syair Badrul Zaman perkataan *nya dan dia* digunakan oleh pengarang sebagai tanda penekanan. Begitu juga dengan kata pelajaran. Lihat petikan berikut;

Maka baginda Badar yang mulia
Segera belajar dengan upaya
Amatlah terang hatinya dia
Belajar pelajaran sehabis daya

Qari dikurniai banyaklah harta
Hati di dalam amat sukacita
Melihatkan muridnya khatamlah nyata
Beberapa ilmu hikmat pun serta

Beberapa lamanya demikian citra
Besarlah Badar muda perwira
Empat belas tahun umurnya kira
Amat sempurna budi bicara

Dalam pemakaian yang biasa kata *nya* dan *dan pelajaran* itu (rujuk rangkap 1) tidak perlu lagi dimasukkan kerana ianya merujuk kepada perkara yang sama. Bagaimanapun untuk maksud penekanan ataupun penumpuan, ianya mwnjadi wajar dan indah pula apabila digunakan. Begitu juga dengan kata *kira* dalam rangkap ketiga, baris ketiga, kata *kira* itu sengaja dimasukkan oleh pengarang untuk kesesuaian rima akhir.

Selain daripada itu terlihat juga betapa pengarang untuk maksud memberi penekanan juga telah mendahulukan objek di dalam ayatnya, iaitu dalam rangkap ke dua baris yang kedua apabila beliau mengatakan "hati di dalam amat sukacita".

KESIMPULAN

Sebenarnya aspek keindahan dalam sesebuah cereka itu amat luas. Ianya boleh dilihat dari aspek isi, pernyataan, dan juga bentuk. Dalam tulisan kami ini telah diperlihatkan bahawa keindahan dari segi pemilihan kata amat penting dalam sebuah syair naratif. Ini kerana dalam keterbatasan kata dan kehendak rima yang terlalu rigid, agak sukar bagi kita untuk menceritakan sesuatu itu dengan jelas dan dapat menimbulkan kesan emosi apabila di baca atau didengar. Bagaimanapun ternyata dalam kedua-dua contoh syair, iaitu Yatim Nestapa dan Badrul Zaman kesan keindahan tetap dirasakan apabila pengarangnya begitu cekap memilih kata-kata yang sesuai untuk digunakan. Kata-kata tersebut apabila dilagukan oleh si penyair yang sedap suaranya pasti akan memukau deria rasa (emosi) si pendengar. Jumlah kata-kata dan sukukata yang digunakan dalam sesebuah rangkap juga turut mempengaruhi melodi syair yang didendangkan. Jika terlalu banyak sukukata dalam sesuatu baris, maka melodi yang cepat terpaksa digunakan oleh penyair.

Rujukan

- Abdul Halim "R", 2001. *Syair Kedah Darul Aman*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancungan Malaysia
- Abdul Mutalib bin Abdul Ghani, 1983. *Syair Siti Zubaidah Perang China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi, 1994. *Syair Siti Zubaidah Perang China- Perspektif Sejarah*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Donald J.Goudie, 1989. *Syair Perang Siak*. MBRAS, no. 17, Kuala Lumpur.
- Harun Mat Piah, 1997. *Puisi Melayu Tradisional : Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Keris Mas, 1988. *Perbincangan gayabahasa Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Iskandar bin Raja Muhammad Zahid, 1964. *Syair Burung Punggok*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- CD Puisi Melayu Tradisional Bahasa Melayu Menengah Rendah, bahan komponen kesusasteraan Melayu, tingkatan 1-3. CD ini diterbitkan oleh Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Dewan*, 2005. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

Yusof Al-Kardawi, 2001. *Seni Menurut Perspektif Islam*. Putrajaya: Perniagaan Jahabersa.

Zahir bin Ahamd, 1991, *Syair Agung*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Lampiran

Syair Badrul Zaman

Beberapa lamanya demikian ada
Diserahkan belajar oleh baginda
Akan Badar putera yang muda
Kepada seorang Qari syuhada

Maka baginda Badar yang mulia
Segera belajar dengan upaya
Amatlah terang hatinya dia
Belajar pelajaran sehabis daya

Badar menuntut setiap hari
Ilmu pelajaran pelbagai peri
Sebarang diajar oleh Qari
Lekas didapat muda jauhari

Kerana hatinya terlalu terang
Pelajaran dihafaz itu sekarang
Amatlah bijak muda yang garang
Belajar ilmu banyak tak kurang

Beberapa lamanya belajar itu
Khatamlah pelajaran satu persatu
Sukalah baginda bukan suatu
Dijamulah Qari makanan yang tentu

Qari dikurniai banyaklah harta
Hati di dalam amat sukacita
Melihatkan muridnya khatamlah nyata
Beberapa ilmu hikmat pun serta

Adapun Badar putera yang pokta
Maka bertambah menjelis nyata
Sebagai lenyap dipandang mata
Amatlah kasih duli mahkota

Beberapa lamanya demikian citra
Besarlah Badar mula perwira
Empat belas tahun umurnya kira
Amat sempurna budi bicara

Syair Yatim Nestapa

Asmara Dewa lalu memandang
Dilihatnya seekor rupa binatang
Matanya seperti damar sebatang
Cahayanya tidak dapat ditentang

Puteri pun takut tidak terhingga
“Wahai adinda, diamlah juga
Kepada fikir kakanda menyangka
Inilah gerangan namanya naga

“ Marilah adinda kita ini lari
Kalau ditangkap kita ke mari
Takutnya kakanda tidak terperi
Memandang rupanya sangat ngeri”

Asmara Dewa tersenyum lalu berkata
“Sangatlah malu rasnya cita
Seteru sudah bertentang mata
Memberi aib nama yang leta”

“Jikalau sudah janji di situ
Matilah kita sudah tertentu
Kitapun anak yatim piatu
Biarlah dimakan naga itu”

Puteripun tidak terkata-kata
Sangatlah benar pada cita
Daripada hidup dengan bercinta
Baiklah mati serta-merta

Dewa berjalan dihampirnya
Naga yang besar didekatinya
Setelah naga mencium baunya
Kepala diangkat ternganga mulutnya

Naga melihat budak berdua
Lalulah marah rupanya dia
Bernafaslah ia mengeluarkan hawa
Serta membesarkan matanya kedua

Bertempik ia seperti guruh
Suaranya besar amatlah gemuruh
Air laut menjadi keruh
Daun kayu sampaikan luruh

Ia memandang sambil menentang
Kata, ‘ Hai budak dari mana datang?
Berani sungguh engkau ini datang
Sekali kutelan keduaupun hilang”